

Premise® 200 SC



RACUN ANAI-ANAI PEKATAN AMPAIAN (SC)
UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA
UNTUK KEGUANAAN KESIHATAN AWAM SAHAJA

Perawis Aktif: Imidacloprid.....18.2% w/w
Perawis Lengai:.....81.8% w/w

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH OPERATOR KAWALAN
MAKHLUK PEROSAK (PCO) BERLESEN SAHAJA
UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG
YANG TERLATIH SAHAJA

No. Pendaftaran: LRMP. R6/4284

Kandungan Bersih: 1 liter

Tarikh Mengilang:

Tarikh Luput:

Batch No.:

Didaftarkan oleh:
Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd (7563 M)
B-19-1 & B-19-2, The Ascent Paradigm,
No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel: 03-7801 3088


Jika berlaku KERACUNAN, sila hubungi
ITALIAN KECEMASAN:



BACA LABEL SEBELUM GUNA

BERBAHAYA
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

Anai-anai



KELAS III

Premise® 200 SC ialah sejenis racun anai-anai yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'neonicotinoid' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

i) Melindungi kayu balak dari serangan anai-anai.

BAHAN	PEROSAK	KADAR RACUN 10 LITER AIR	CATATAN RAWATAN
Kayu balak	Anai-anai (<i>Coptotermes curvignathus</i>)	13 ml	Sembur atau sapu ke atas permukaan kayu kering atau rendam ke dalam larutan selama 30 minit.

ii) Melindungi tapak bangunan/permukaan lantai dari serangan anai-anai.

TEMPAT PRA- BINAAN	PEROSAK	KADAR RACUN 10 LITER AIR	CATATAN RAWATAN
Tapak bangunan/ permukaan lantai	Anai-anai (<i>Coptotermes curvignathus</i>)	13-25 ml	Sembur 5 liter larutan/m ² . Semburkan ke atas permukaan tapak sebaik sebelum lantai dipasang. Gunakan kadar yang tinggi untuk kawalan lebih lama.

iii) Melindungi tapak bangunan/lantai dari serangan anai-anai.

BANGUNAN SELEPAS BINAAN	PEROSAK	KADAR RACUN 10 LITER AIR	CATATAN RAWATAN
Tapak bangunan/ lantai	Anai-anai (<i>Coptotermes curvignathus</i>)	13-25 ml	Korek lubang 15 cm dari dinding pada setiap jarak 50 cm sepanjang dinding bangunan. Pamkan sebanyak 5 - 6 liter larutan ke dalam setiap lubang. Gunakan kadar yang tinggi untuk kawalan lebih lama.

Catatan:

Pada kadar 13 ml, Premise® 200 SC memberi perlindungan selama 2 tahun.

Pada kadar 25 ml, Premise® 200 SC memberi perlindungan selama 5 tahun.

Bayer

Panduan Membancuh: Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan Premise® 200 SC secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar yang lebih tinggi dari yang disarankan. Jangan simpan baki banchuan Premise® 200 SC di dalam tangki alat penyembur.

Panduan Merawat: Pra-Binaan - Semburkan larutan pada kadar 5 liter/m² atau 1 liter meter pada permukaan tapak/lantai bangunan yang sedang dibina, sebaiknya sebelum dicurahkan simen. Jangan lakukan semburan jika hari hujan atau dijangkakan hujan turun.

AWAS: a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, JANGAN makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Pelindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpakaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisme akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

TANDA KERACUNAN:

Tanda Awal: Mual, muntah, cirit-birit, sakit perut, sakit kepala, kerengsaan (kemerahan, gatal), tremor (anggota badan getetar), mengantuk, otot lemah, air liur berlebihan, anak mata mengecil, peluh berlebihan.

Tanda Tertangguh: Kerengsaan kulit (kemerahan, gatal), sawan, koma.

RAWATAN KECEMASAN: Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** iktirakan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN. EMPTY PESTICIDE CONTAINER SHOULD BE TRIPLE (3) RINSED BEFORE DISPOSAL. DO NOT USE EMPTY PESTICIDE CONTAINER TO STORE FOODSTUFF.

MY180265468H

有毒品

勿貯藏 在 靠近 食品 或
兒童 所 接觸 的 地方

HARMFUL

KEEP AWAY FROM

FOODSTUFF AND CHILDREN

KELAS III

BACA LABEL SEBELUM GUNA

BERBAHAYA
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

தீங்கியூபிப்பது

உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கிட
அருகில் வைக்காதீர்